KALENDAR PERISTIWA
Julai – September 2014

3 Julai

Bank mengumumkan penubuhan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan, dengan fokus strategik terhadap pembangunan tenaga mahir, untuk menyokong sektor kewangan yang kukuh dan berdaya saing. Ini merupakan salah satu inisiatif yang disarankan di bawah Pelan Sektor Kewangan. Majlis terdiri daripada individu-individu terkemuka yang mempunyai pengalaman penting dan dengan pemahaman mereka yang meluas dapat memberikan nasihat profesional dalam usaha memastikan sektor kewangan mempunyai bekalan tenaga mahir berkualiti tinggi yang berterusan.

7 Julai

Bank mengumumkan bahawa kini terdapat 236 Mesin Deposit Duit Syiling di seluruh negara bagi memudahkan proses mendepositkan duit syiling oleh perniagaan dan orang ramai. Mesin Deposit Duit Syiling ini ditempatkan di institusi kewangan yang mengambil bahagian, pasar raya besar dan cawangan-cawangan Tabung Haji. Inisiatif ini diambil kerana sejumlah besar duit syiling yang dikeluarkan oleh Bank tidak dikembalikan untuk edaran semula.

10 Julai

Bank menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang keempat pada tahun 2014. Keputusan MPC adalah berdasarkan prospek pertumbuhan yang kukuh dan inflasi yang kekal melebihi kadar purata jangka panjangnya. Mengembalikan keadaan monetari kepada keadaan yang normal juga bertujuan mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang meluas, yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi negara. Pada kadar OPR baharu ini, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi negara.

Pada mesyuarat yang seterusnya pada 18 September, MPC mengekalkan OPR pada kadar yang sama dengan pendirian dasar monetari semasa terus menyokong pertumbuhan. Pada masa hadapan, MPC akan terus memantau dan membuat penilaian mengenai imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi serta risiko ketidakseimbangan kewangan.

15 Ogos

Pada sidang akhbar KDNK Suku Kedua, Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang 6.4%, disokong oleh eksport yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri swasta yang terus kukuh. Dari segi penawaran, pertumbuhan sektor ekonomi utama kekal teguh, disokong oleh aktiviti perdagangan dan aktiviti dalam negeri. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara meningkat 1.8% (S1 2014: 0.8%). Sementara itu, kadar inflasi tahunan menjadi sederhana sedikit kepada 3.3% pada suku kedua 2014 (S1 2014: 3.4%) disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori makanan dan minuman bukan alkohol serta kategori perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain.

2 September

Dalam ucaptama Gabenor pada Forum Kewangan Islam Global (GIFF) 2014 – “Memasuki Bab yang Seterusnya: Perubahan Transformatif untuk Mengukuhkan Hubungan Industri dengan Ekonomi Benar”, beliau memberikan penekanan pada pengantarabangsaan kewangan Islam yang meluas serta peranannya dalam pengantaraan dana merentas sempadan dan mewujudkan kesalinghubungan kewangan dan ekonomi yang lebih kukuh. Pada masa yang sama, kemajuan piawaian kehematan bagi menyokong kestabilan kewangan telah berjaya dilaksanakan dalam kewangan Islam.

Beliau menambah, selain semua perkembangan ini, cabaran yang dihadapi juga adalah untuk meningkatkan keupayaan kewangan Islam bagi menyumbang ke arah rangkuman, pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang dan menyokong ekonomi benar. Ini memerlukan pempelbagaian perniagaan perbankan Islam untuk berkembang melangkaui pengantaraan kredit hingga pengantaraan pelaburan. Dalam pasaran Malaysia, penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam yang baharu pada tahun 2013 memudahkan usaha ini.

Untuk mencapai matlamat ini, kemajuan teknologi yang menggalakkan kesalinghubungan yang lebih meluas perlu dimanfaatkan dan lebih keutamaan harus diberikan kepada pembangunan tenaga mahir. Pada akhir ucapannya, Gabenor merumuskan bahawa dengan kehadiran para peserta yang terkemuka daripada pelbagai industri dari seluruh dunia, GIFF 2014 akan memberikan peluang yang unik untuk peserta industri merealisasikan peluang perniagaan merentas sempadan untuk pertumbuhan.

10 September

Dalam ucaptama Gabenor Dr Zeti pada Forum Dasar Global Persekutuan bagi Rangkuman Kewangan 2014 (Alliance of Financial Inclusion, AFI), beliau menyatakan bahawa Malaysia amat komited terhadap usaha rangkuman kewangan pada peringkat global dan akan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk mencapai matlamat AFI. Gabenor Dr Zeti menyatakan lima bidang berpotensi yang akan menyumbang ke arah usaha memajukan rangkuman kewangan, iaitu tumpuan pada perkhidmatan kewangan yang berkaitan dan berkualiti; perumusan matlamat yang boleh diukur prestasinya berlandaskan Perjanjian Sasana; pengukuhan peranan pengawalan dan penyeliaan; pemerkasaan melalui perlindungan dan pendidikan pengguna, dan peningkatan kerjasama dan perkongsian. Beliau merumuskan bahawa Forum ini dan AFI menyediakan peluang untuk memanfaatkan strategi, ilmu pengetahuan, kepakaran dan amalan terbaik daripada seluruh anggota AFI, sekali gus menyerlahkan potensi rangkuman kewangan dan ekonomi serta mengubah kehidupan.

17 September

Bank Negara Malaysia, bagi pihak Jawatankuasa Eksekutif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), mengumumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, Sultan Perak Darul Ridzuan telah berkenan untuk menjadi Penaung Diraja bagi Inisiatif Kewangan Islam Malaysia. Di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan, pasaran kewangan Islam Malaysia dijangka terus mengeratkan hubungan muhibah dan hubungan dua hala yang telah terjalin antara Malaysia dengan negara lain.

24 September

Dalam ucapan beliau semasa melancarkan secara rasmi Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board, FSPB) di Sasana Kijang, Gabenor Dr Zeti menyatakan bahawa krisis kewangan global dan episod manipulasi pasaran kewangan baru-baru ini telah meningkatkan lagi keperluan untuk mempunyai budaya profesionalisme, integriti dan etika yang kukuh dalam industri perkhidmatan kewangan. Ini bagi mengembalikan kepercayaan orang ramai terhadap sistem kewangan dan memastikan kemapanan industri ini untuk jangka panjang. Di Malaysia, penubuhan FSPB bebas yang didorong industri dijangka terus mengukuhkan keyakinan terhadap industri ini dan memperkuat komitmen industri untuk memenuhi kepentingan awam dengan lebih baik.

Pada majlis yang sama, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengumumkan pelantikan Tan Sri Dato Azman Hashim sebagai Pengerusi FSPB dan sembilan ahlinya, yang terdiri daripada individu yang terkemuka dan berpengalaman luas dalam bidang korporat dan

industri kewangan.

27 September

Bank Negara Malaysia, melalui ejen yang dilantik, mengendalikan lelongan awam wang kertas Malaysia bernombor siri istimewa buat julung kalinya. Jualan lelong ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada 278 pembida berdaftar, terdiri daripada pengumpul wang kertas persendirian dan peniaga dari dalam dan luar negeri, serta orang ramai. Hasil daripada jualan lelong ini akan disalurkan terutamanya untuk menyokong program Tanggungjawab Sosial Korporat Bank. Baki dana selebihnya akan digunakan untuk membiayai program jangkauan Bank yang bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai ciri-ciri keselamatan dan cara yang betul mengendalikan mata wang Malaysia.